



## ICMER bincang isu kejuruteraan mekanikal dan automotif

Persidangan Antarabangsa Penyelidikan Kejuruteraan Mekanikal (ICMER) anjuran Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pusat Kejuruteraan Automotif (EAC) menyaksikan hampir 100 peserta termasuk 24 orang daripadanya peserta Australia, India, Bangladesh, Iran, Iraq, Mexico dan Indonesia berkumpul untuk berkongsi kepakaran dalam bidang mekanikal dan automotif negara.

Menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, persidangan ICMER merupakan suatu platform yang membolehkan para akademia, penyelidik, jurutera mahu pun pelajar berkongsi idea dan pengalaman masing-masing.

"Persidangan ini bukan sahaja terhad kepada bidang kejuruteraan mekanikal sahaja, tetapi juga dalam bidang kejuruteraan automotif, pembuatan, biomekanikal, bahan dan industri." Tambah beliau, penganjuran ini bersesuaian dengan bidang fokus utama universiti iaitu kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan automotif dan pembuatan.

Dato' Dr. Daing yakin dengan pendekatan yang betul ditambah dengan inisiatif dan kepimpinan yang dinamik, FKM dan AEC akan memainkan peranan yang penting dalam memperkuatkan bidang ini agar UMP lebih dikenali.

"lanya bersesuaian dengan konteks pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015, bidang keberhasilan universiti yang turut mencakupi penjarangan strategik untuk penjenamaan sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa," katanya semasa berucap dalam majlis makan malam sempena ICMER 2011 di Hotel MS Garden Kuantan pada 6 Disember 2011 yang lalu.

Katanya, kerajaan Malaysia juga menggalakkan budaya R&D&C, iaitu dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan di institusi pengajian tinggi dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif dan kemudahan yang dapat memberi faedah di kalangan penyelidik dan akademik.

Persidangan dua hari ini menyaksikan pembentangan kertas

kerja yang disampaikan Profesor T.S. Zhao daripada The Hong Kong University of Science & Technology (HKUST), Professor Dr. David Hui daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, University of New Orleans, Professor CHEW Yong Tian, Ketua jabatan Kejuruteraan Mekanikal, National University of Singapore dan Profesor Talal Yusaf dari University Southern Queensland.

Selain itu, kertas kerja yang dibentangkan ini akan diterbitkan dalam Sains Bahan dan Kejuruteraan (MSE), indeks dalam Scopus, Ei Compendex, Inspec, jurnal antarabangsa Kejuruteraan mekanikal dan automotif (IJAME) serta jurnal kejuruteraan mekanikal dan sains (JMES).

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Profesor Dr. Zahari Taha dan Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif, Dr. Abdul Adam Abdullah.

